

## Konsep Pendidikan Ibn Khaldun dan Amalan Pendidikan di Malaysia

### *Ibn Khaldun's Concept of Education and Educational Practices in Malaysia*

Nurzatil Ismah Azizan<sup>1</sup>, Nazneen Ismail<sup>2</sup>, Siti Mursyidah Mohd Zin

Author<sup>3</sup>, Kamarulnizam Sani<sup>4</sup>, Asma' Abdul Halim<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4,5</sup>Universiti Islam Selangor, Malaysia

[1nurzatil@uis.edu.my](mailto:nurzatil@uis.edu.my), [2nazneen@uis.edu.my](mailto:nazneen@uis.edu.my), [3sitimursyidah@uis.edu.my](mailto:sitimursyidah@uis.edu.my)

[4kamarulnizam@uis.edu.my](mailto:kamarulnizam@uis.edu.my), [5asmaabdulhalim20@gmail.com](mailto:asmaabdulhalim20@gmail.com)

#### ABSTRAK

Ibn Khaldun merupakan tokoh pemikir Islam yang hebat serta mempunyai pengaruhnya yang tersendiri. Pemikiran beliau telah berjaya memberi sumbangan yang begitu besar dalam dunia keilmuan, sehingga pemikir-pemikir Barat dan Timur mengakuinya sebagai pemikir muslim yang dikagumi. Kertas kerja ini membincangkan konsep pendidikan menurut Ibn Khaldun dan amalan pendidikan di Malaysia, kajian ini merupakan kajian jenis kualitatif dengan rekabentuk pensejarahan. Instrumen yang digunakan adalah dokumen dan dianalisis dengan pendekatan induktif. Hasil kajian mendapati bahawa konsep pendidikan holistik Ibn Khaldun selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) di Malaysia yang menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Kaedah pengajaran Ibn Khaldun juga sesuai diterapkan dalam kurikulum pendidikan di Malaysia kerana penekanan beliau terhadap peranan guru sebagai fasilitator dan role model selaras dengan Standard Guru Malaysia yang ditetapkan oleh KPM. Malah aspek-aspek yang diberi penekanan oleh Ibn Khaldun dalam pendidikan turut menjadi amalan dalam pendidikan di Malaysia seperti memberi panduan kepada murid dalam membezakan perkara yang membawa manfaat dan mudarat, penekanan untuk menjaga hubungan dengan manusia. Selain itu pelbagai program dan latihan disusun bagi meningkatkan kemahiran murid dalam pelbagai aspek seperti kerohanian dan kepimpinan. Kementerian Pendidikan Malaysia selari dengan penekanan Ibn Khaldun yang menjadikan al-Quran sebagai dasar pendidikan spiritual serta kurikulum dan pendekatan pengajaran yang digunakan

mementingkan penggunaan teknologi agar pengajaran yang disampaikan menarik dan berkesan.

Kata kunci: Konsep Pendidikan; Ibn Khaldun; amalan pendidikan, kaedah pengajaran, Malaysia

### **ABSTRACT**

*Ibn Khaldun was a great Islamic thinker with his own unique influence. His thoughts have successfully contributed greatly to the world of knowledge, to the extent that Western and Eastern thinkers acknowledge him as an admired Muslim thinker. This paper discusses the concept of education according to Ibn Khaldun and educational practices in Malaysia. This study is a qualitative study with a historical design. The instruments used are documents and analyzed with an inductive approach. The study found that Ibn Khaldun's holistic education concept is in line with the National Education Philosophy (FPK) in Malaysia, which emphasizes the comprehensive and integrated development of individual potential to create a balanced and harmonious person in terms of intellect, spirituality, emotion, and physicality based on faith and obedience to God. Ibn Khaldun's teaching methods are also suitable to be applied in the education curriculum in Malaysia because his emphasis on the role of teachers as facilitators and role models is in line with the Malaysian Teacher Standards set by the Ministry of Education (KPM). Moreover, the aspects emphasized by Ibn Khaldun in education are also practiced in education in Malaysia, such as guiding students in distinguishing between beneficial and harmful matters, and emphasizing maintaining relationships with people. In addition, various programs and training are organized to enhance students' skills in various aspects such as spirituality and leadership. The Malaysian Ministry of Education is in line with Ibn Khaldun's emphasis on making the Quran the basis of spiritual education, and the curriculum and teaching approaches used prioritize the use of technology to make the teaching delivered engaging and effective.*

*Keywords: Concept of Education; Ibn Khaldun, Educational Practices; teaching methods; Malaysia*

### **PENDAHULUAN**

Ibn Khaldun merupakan tokoh pemikir Islam yang hebat serta mempunyai pengaruhnya yang tersendiri. Beliau dipandang sebagai ilmuwan Muslim yang kreatif menghidupkan khazanah intelektualisme Islam pada zaman pertengahan (Hidayat, 2019). Ibn Khaldun terkenal pada abad pertengahan dengan pemikiran-pemikiran baru mengenai sejarah dan sosiologi Islam pada zamannya. Namun di sisi lain, beliau membina pemikiran pendidikan yang istimewa dan praktis

berdasarkan berbagai pengalaman kehidupan serta menjadikan gagasan-gagasan pendidikan yang dihasilkannya semakin matang. Dengan pengalamannya yang luas, ia telah mampu membangun teori-teori pendidikan yang terkenal sebagaimana termaktub dalam kitabnya Muqaddimah (Noraini et al., 2020).

Pendidikan di Malaysia juga mempunyai konsep dan falsafah pendidikan yang menjadi panduan seluruh warga pendidikan seperti Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Falsafah Pendidikan Guru (FPG) dan Standard Guru Malaysia (SGM). FPK ialah dasar utama pendidikan di Malaysia yang menetapkan matlamat dan hala tuju pendidikan negara, manakala FPG menjelaskan peranan dan kompetensi guru dalam merealisasikan matlamat tersebut. SGM pula mengandungi huraian tiga standard utama yang merangkumi pengetahuan dan kefahaman, kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP), serta nilai profesionalisme keguruan yang perlu dimiliki oleh guru.

Berdasarkan kehebatan gagasan keilmuan Ibn Khaldun dan kepelbagaian konsep dan falsafah Pendidikan kebangsaan, penulisan ini membincangkan teori Pendidikan Ibn Khaldun dan amalan pendidikan di Malaysia yang selari dan bertepatan dengan teori tersebut.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian jenis kualitatif dengan rekabentuk pensejarahan. Instrumen yang digunakan adalah dokumen dan dianalisis dengan pendekatan induktif.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Konsep Pendidikan Menurut Ibn Khaldun**

Ibn Khaldun (2002) dalam kitabnya Muqaddimah Ibn Khaldun membincangkan satu bab khusus berkenaan kepelbagaian ilmu pengetahuan dan metode pengajaran. Menurut beliau, Allah SWT mengurniakan kepada manusia akal fikiran supaya dapat digunakan untuk membuat analisis dan sintesis. Beliau dalam perbincangan tersebut menekankan berkenaan *Al-Fikr*. *Al-Fikr* mempunyai tiga peringkat iaitu keupayaan manusia menilai sesuatu yang membawa manfaat dan mudarat, keupayaan manusia berkenaan hubungan antara individu dengan individu yang lain dan kemampuan manusia berfikir melalui ilmu pengetahuan yang diperolehi.

Ibn Khaldun turut menjelaskan sebab-sebab yang menjadikan seseorang individu itu mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang iaitu malakah atau kemahiran yang diperolehi melalui latihan, ilmu yang jelas, perbincangan dan juga perdebatan. Seseorang perlu memahami ilmu dengan mendalam tidak sekadar menghafaz ilmu pengetahuan tersebut agar dapat menyampaikan ilmu pengetahuan dengan baik dan tepat (Ibn Khaldun, 2002).

Ibn Khaldun (2002) menegaskan bahawa negara yang mempunyai peradaban yang tinggi turut akan memiliki daya intelek masyarakat yang tinggi kerana negara yang mempunyai peradaban mempunyai kepakaran yang mahir dalam pelbagai ilmu pengetahuan. Ilmu dapat difahami dalam dua keadaan iaitu ilmu yang diperolehi secara semulajadi dan bimbingan serta ilmu yang diperolehi daripada pakar bidang berdasarkan kemampuan berfikir seseorang individu. Ilmu semulajadi dan bimbingan meliputi ilmu falsafah yang menjadikan manusia dapat membezakan antara sesuatu yang baik dan buruk. Manakala ilmu yang diperolehi berdasarkan kemampuan dan melalui kepakaran bidang pula ialah ilmu traditional atau turath dan konvensional berasaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Ibn Khaldun (2002) juga memandang manusia sebagai makhluk yang berbeza dengan makhluk lain iaitu makhluk yang mempunyai kelebihan berfikir. Oleh yang demikian, manusia mampu mengembangkan ilmu pengetahuan dan teknologi. Kesan sifat manusia yang mempunyai kemampuan berfikir ini lahir satu peradaban yang baik. Impak seterusnya dapat melahirkan ramai pakar bidang dan penyampaian ilmu secara berterusan menjadikan pengajaran ilmu turut berlaku dan berkembang. Ibn Khaldun turut menekankan pembinaan pemikiran yang baik sebagai tujuan pendidikan.

Kurikulum pengajian amat penting malah kurikulum yang sesuai digunakan akan menentukan tahap intelektual pelajar. Sebagai contoh pengajaran dalam Bahasa Arab perlu merujuk kitab-kitab yang mempunyai autoriti dalam bahasa Arab seperti syair Hubaib dan al-Attabi. Kualiti pelajar yang akan lahir daripada sistem kurikulum yang digubal adalah berdasarkan bahan atau asas rujukan yang digunakan dalam pengajaran. Sama halnya dengan kemampuan hafazan seseorang yang akan menentukan kemampuan mengingat sesuatu ilmu (Ibn Khaldun, 2002).

Bahasa perantara sesuatu ilmu amat penting difahami dengan baik agar ilmu pengetahuan dapat diperolehi dengan tepat. Sebagai contoh pengajian ilmu-ilmu asas Islam perlu kepada kefahaman bahasa Arab kerana kebanyakan rujukan dan bahan adalah dalam bahasa berkenaan (Ibn Khaldun, 2002)

Kaedah pengajaran yang harus dikuasai oleh seorang pengajar menurut Ibn Khaldun dalam penulisan beliau ialah pandang dengar, *tadrij* (pengajaran secara berperingkat dan beransur-ansur), pengajaran berfokus, taklid (peniruan), *tajribah* (percubaan) *tikrar* (pengulangan), tempoh yang bersesuaian, tidak menggunakan kekerasan, melakukan latihan serta melihat kemampuan pelajar dalam pengajaran (Ibn Khaldun, 2002).

## **Amalan Pendidikan Di Malaysia**

Malaysia merupakan negara maju yang mementingkan aspek pendidikan dalam pembangunan negara. Pelbagai usaha dilakukan bagi merealisasikan perkara tersebut termasuk penggubalan falsafah, dasar dan standard yang bersesuaian. Konsep dan falsafah pendidikan di Malaysia merangkumi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu dasar utama pendidikan di Malaysia. FPK bertujuan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, n.d).

Falsafah Pendidikan Guru (FPG) pula menekankan guru yang mempunyai budi pekerti yang mulia, berpandangan progresif dan saintifik, menjunjung aspirasi negara dan warisan kebudayaan negara, menjamin pembangunan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin (Institut Pendidikan Guru, n.d).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha murni tersebut telah menerbitkan Standard Guru Malaysia (SGM) pada tahun 2009. SGM mengandungi huraian tiga standard utama iaitu pengetahuan dan kefahaman, kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP), serta nilai profesionalisme keguruan yang perlu dimiliki oleh guru. Dokumen ini juga menjadi panduan kepada agensi dan institusi latihan keguruan bagi menyediakan keperluan latihan untuk membantu guru mencapai standard yang dikehendaki. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023)

Pendidikan di Malaysia mementingkan hasil pengajaran yang maksimum terutama dalam memberi kemahiran kepada pelajar. Dasar Pendidikan Negara Malaysia (DPN) bertujuan untuk melahirkan generasi yang holistik, berpengetahuan, dan berkemahiran tinggi. Antara yang diberi kenekanan ialah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), kemahiran insaniah dan kemahiran vokasional dan teknikal. Dasar Wawasan 2020 telah memacu penggunaan TMK/ICT dengan meluas dalam pendidikan negara melalui pelancaran projek perdana Koridor Raya Multimedia pada tahun 1997 melalui Projek Sekolah Bestari. Pelbagai usaha membudayakan TMK/ICT juga telah diperkenalkan di sekolah bagi merapatkan jurang digital yang dihadapi oleh negara (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2017).

Antara amalan pendidikan di Malaysia ialah KBAT iaitu PdP yang berbentuk inkuiri, penyelesaian masalah, penyelidikan dan berasaskan projek. Selain itu

KBAT menekankan pendekatan dan aktiviti di dalam bilik darjah, perbincangan, metakognisi, pengurusan grafik (Anida, 2020). Dalam mencapai pendidikan Malaysia yang maju, Kementerian Pendidikan Malaysia turut menekankan pembelajaran yang memberi kemahiran kepada murid seperti kemahiran membaca, menulis dan mengira. Kajian Vijayaletchumy (2024) menemui bahawa proses pengajaran guru lebih bermakna sekiranya guru menyedari hakikat bahawa kemahiran menulis boleh dilentur melalui kaedah penulisan baharu (Kaedah UMIBaKaP) yang diterapkan kepada murid di samping penggunaan bahan bantu mengajar (Fail QR KFC RIMA2 Na PPK) dijadikan pendekatan yang baik untuk membantu murid meningkatkan kemahiran menulis bahasa Melayu. Ia menunjukkan penguasaan bahasa amat penting sama ada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris kerana bahasa merupakan alat penting dalam memahami ilmu. Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha untuk memartabatkan penguasaan bahasa dalam kalangan murid melalui Dasar Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Dasar ini bertujuan untuk memastikan pelajar dapat menguasai Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa (Mahani, 2025).

Kementerian Pendidikan Malaysia turut memberi penekanan terhadap aspek karamah insaniah iaitu berkaitan dengan pembentukan adab, akhlak pelajar dan integriti bagi membentuk masyarakat Malaysia yang baik dan harmoni. Terdapat pelbagai program yang menyokong usaha murni ini iaitu Simposium Hal Ehwal Murid (SHEM) yang memberi pengiktirafan kepada sekolah berkenaan disiplin, kaunseling dan hak asasi manusia. Manakala Program Nadwah Kepemimpinan Islam Sekolah pula merupakan program melatih kepimpinan dalam kalangan murid serta Manual Kesedaran Sivik dan Amalan Nilai Murni Dalam Kalangan Murid yang memberi fokus kepada pembangunan sahsiah, pengukuhan jati diri dan kekuatan akal. Aspek karamah insaniah ini bukan sahaja diterap dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah malah turut diterapkan dalam pembelajaran di luar bilik darjah (Roshlawati, 2023).

Kementerian Pendidikan Malaysia turut memberi penekanan terhadap sumber utama umat Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Ini kerana pada tahun 2003 kerajaan mewujudkan j-QAF iaitu program Jawi, al-Quran, Arab dan Fardu Ain. Program j-QAF memberi penekanan terhadap kebolehan membaca dan menulis jawi, menamatkan bacaan al-Quran di peringkat sekolah rendah, menguasai ilmu bahasa Arab dan mempunyai pengetahuan asas mengenai hukum hakam Fardu Ain. Malah pembacaan al-Quran turut dimasukkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Melalui program j-QAF, pelajar beragama Islam dapat dibentuk berkenaan kecintaan terhadap Islam khususnya tentang al-Quran (Zulazizi, 2021). Selain j-QAF KPM turut memperkenalkan Pendidikan Islam dalam

Pendidikan khas dan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2021).

Teknologi amat penting sebagai alat untuk menarik minat pelajar dalam proses pengajaran. Kementerian Pendidikan Malaysia mementingkan penggunaan teknologi dalam pendidikan dengan mewujudkan projek 1BestariNet iaitu penyediaan internet di sekolah untuk pembelajaran secara maya (Kementerian Pendidikan Malaysia n.d). Malah Kementerian Pendidikan Malaysia turut menggunakan STEM dalam pembelajaran iaitu pembelajaran bersepadu meliputi (*Science, Technology, Engineering & Mathematics*) bersepadu atau lebih dikenali dengan istilah *Integrated STEM*. Melalui pelaksanaan STEM, ilmu yang diperolehi relevan dalam konteks dunia sebenar dengan kerjasama antara institusi pendidikan, komuniti dan industri untuk kemajuan negara. Tujuan STEM ialah meningkatkan Malaysia menjadi negara perindustrian dan maju sepenuhnya menjelang tahun 2020 (Yusriza, 2021). Kementerian Pendidikan Malaysia mengembangkan penggunaan teknologi dalam pendidikan di Malaysia dengan memperkenalkan DELIMa (*Digital Educational Learning Initiative Malaysia*) iaitu satu platform pembelajaran digital yang menyediakan pelbagai aplikasi dan perkhidmatan digital untuk guru dan pelajar. Ia dibangunkan bertujuan untuk mendemokrasi pembelajaran digital dan menyediakan pengalaman pembelajaran sepanjang hayat (K. Raman, 2020).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia meningkatkan kualiti kurikulum melalui penekanan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan kemahiran insaniah dan nilai-nilai murni (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Kurikulum yang tersusun amat penting bagi memastikan keberkesanan pendidikan negara. Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2024 melakukan Intervensi Kurikulum dengan penambahbaikan kurikulum sedia ada. Kurikulum yang bersepadu dan holistik amat penting bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang mempunyai ilmu dan nilai akhlak yang baik. Kementerian Pendidikan Malaysia turut memberi fokus berkaitan dengan guru dan murid bagi meningkatkan kualiti organisasi sekolah (Sinar Harian, Mac 2024).

## PERBINCANGAN

Berdasarkan perbincangan berkenaan konsep pendidikan Ibn Khaldun dan amalan pendidikan di Malaysia, pengkaji mendapati Kementerian Pendidikan Malaysia turut melaksanakan konsep pendidikan yang dijelaskan oleh Ibn Khaldun dalam bukunya *Muqaddimah*. Antara penekanan Ibn Khaldun ialah penggunaan akal

fikiran secara holistik dalam memahami ilmu seterusnya melakukan amalan dalam kehidupan seharian seperti membezakan antara perkara yang membawa manfaat dan mudarat, hubungan antara manusia dengan manusia dan dorongan akal fikiran untuk berfikir melalui ilmu pengetahuan yang diperolehi. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut memasukkan ilmu yang menjadikan pelajar dalam menilai antara perkara yang bermanfaat dan mudarat dalam kurikulum Pendidikan, hubungan antara manusia melalui program kepimpinan dan pembimbing rakan sebaya serta silibus yang meningkatkan daya kreativiti murid seperti program TVET iaitu pendidikan dan latihan berteraskan teknikal dan vokasional serta mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) yang sinonim dengan tugas berasaskan projek. Aspek memaksimumkan keupayaan akal diaplikasi dalam sistem pengajian di Malaysia selari dengan teori Pendidikan Ibn Khaldun.

Kemahiran dalam sesuatu perkara hanya diperolehi melalui latihan yang berterusan, penggunaan bahan yang sesuai dan dorongan persekitaran yang positif. Ibn Khaldun menetapkan konsep membentuk kemahiran dan ilmu yang diperolehi melalui latihan dan ilmu yang jelas. Kementerian Pendidikan Malaysia juga menekankan latihan berterusan dalam memperolehi kemahiran seperti kemahiran membaca, menulis dan mengira. Malah Dasar Pendidikan Malaysia juga mementingkan kemahiran sebagai salah satu objektif pengajaran yang ingin dicapai seperti kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), kemahiran insaniah dan kemahiran vokasional dan teknikal. Berdasarkan fakta tersebut dilihat Kementerian Pendidikan Malaysia turut mengaplikasi teori pendidikan yang dinyatakan oleh Ibn Khaldun iaitu Pendidikan melalui kemahiran.

Ibn Khaldun secara tegas menyatakan bahawa sumber utama ilmu adalah melalui al-Quran dan al-hadis. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia juga menggubal kurikulum yang meningkatkan kefahaman dan amalan terhadap agama melalui program j-QAF, Pendidikan Islam dalam Pendidikan khas dan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Melalui program Pendidikan tersebut pelajar beragama Islam dapat dibentuk berkenaan kecintaan terhadap Islam khususnya tentang al-Quran. Ibn Khaldun turut memberi penekanan terhadap penguasaan bahasa sebagai alat untuk memahami ilmu pengetahuan, Kementerian Pendidikan Malaysia juga berusaha meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan murid melalui Dasar Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dilihat turut diberi penekanan dalam konsep Pendidikan Ibn Khaldun dalam kitabnya Muqaddimah. Berdasarkan kenyataan dan bukti-bukti yang dibahaskan terbukti bahawa Malaysia negara yang mementingkan aspek pendidikan dengan menggubal palbagai dasar dan amalan pendidikan bagi memaksimumkan keberkesanan pendidikan seterusnya melahirkan masyarakat Malaysia yang intelektual dan seimbang. Usaha yang dilakukan tersebut dilihat selari dengan pandangan tokoh ilmuwan Islam Ibn Khaldun.

## KESIMPULAN

Konsep pendidikan Ibn Khaldun dan amalan pendidikan di Malaysia melalui dasar Kementerian Pendidikan Malaysia dilihat selari. Ini membuktikan bahawa Malaysia sebuah negara yang mementingkan nilai-nilai pendidikan Islam untuk diaplikasi dalam sistem pendidikan negara. Antaranya ialah meliputi tujuan pendidikan itu sendiri iaitu membentuk membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Meningkatkan kemahiran dalam diri murid dan menjadikan al-Quran sebagai asas membentuk adab dan akhlak murid. Selain itu penggunaan teknologi sesuai dengan perkembangan zaman juga penting agar pendidikan negara tidak ketinggalan. Kurikulum yang sentiasa ditambahbaik juga menjadi amalan yang baik bagi memaksimumkan penyampaian ilmu dan kemahiran kepada murid. Kepelbagaian kaedah pengajaran dilihat turut berkembang dengan perkembangan teknologi menjadikan pengajaran lebih menarik dan berkesan.

## PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi UIS 2023 No. Geran: 2023/GPIU/GPM-004, Universiti Islam Selangor (UIS) yang bertajuk ‘Pendekatan Pengajaran Turath di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia’.

## RUJUKAN

- Abidin, M. Z. H. Z. (2017). Pandangan Ibnu Khaldun berkaitan kaedah pendidikan dalam kitab Al-Muqaddimah. *Idealogy Journal*, 2(1), 26-35. <https://idealogyjournal.com/ojs/index.php/idealogy/article/view/6>
- Anida Sarudin, Zulkifli Osman, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Mohd Amir Mohd Zahari & Marlini Idris. (2020). Analisis Pelaksanaan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Di Sekolah Menengah Orang Asli. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 10 (1), 48-63. <https://journalarticle.ukm.my/14573/1/219-425-1-SM.pdf>
- Azizah, H. O. (2021). Analisis Pemikiran Ibnu Sina dan Ibnu Khaldun Terhadap Konsep Pendidikan Islam. *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam*, 10(02). <https://jurnal.staialhidayahbogor.ac.id/index.php/ei/article/view/2332>
- Dasar Pendidikan Kebangsaan (2017). Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/Dasar/Dasar%20Pendidikan%20Kebangsaan/Dasar%20Pendidikan%20Kebangsaan%20Edisi%20Keempat.pdf>

- Hidayat, Y. (2019). Pendidikan dalam Perspektif Ibnu Khaldun. *Jurnal Pendidikan Islam Al-Ilmi*, 2(1). <https://lonsuit.unismuhluwuk.ac.id/index.php/ilmi/article/view/261>  
<https://www.moe.gov.my/index.php/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- Ibn Khaldun. (2002). *Mukadimah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya. (n.d.). *Falsafah Pendidikan*. <https://ipgkg.moe.edu.my/index.php/about-us/falsafah-pendidikan>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2021). *Program Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*. [https://www.islam.gov.my/images/documents/PROGRAM\\_KAFA.pdf](https://www.islam.gov.my/images/documents/PROGRAM_KAFA.pdf)
- K. Raman. (2020). *Kementerian Pendidikan Lancar Pelantar Pendidikan Digital Baharu dengan Kerjasama Google, Microsoft dan Apple*. <https://news.microsoft.com/en-my/2020/06/15/kementerian-pendidikan-lancar-pelantar-pendidikan-digital-baharu-dengan-kerjasama-google-microsoft-dan-apple>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (n.d.). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. <https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/Dasar/PPPM/PPPM%20Laporan%20Tahunan%202019.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Standard Guru Malaysia (SGM) 2.0*. <https://www.moe.gov.my/standard-guru-malaysia-20-versi-e-buku>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (n.d.). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. <https://www.moe.gov.my/index.php/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (n.d.). *Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas*. <https://www.moe.gov.my/pendidikan-islam-dalam-pendidikan-khas>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (n.d.). *Teknologi Pendidikan*. <https://www.moe.gov.my/teknologi-pendidikan>
- Mahani Ishak (2025, 13 ). *KPM Tambah Baik Inisiatif Penguasaan Bahasa Inggeris Murid*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1361039/kpm-tambah-baik-inisiatif-penguasaan-bahasa-inggeris-murid>
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi, Muhammad Amirul Mohd Nor, Mohd Rashidi Omar, & Norhisham Muhamad. (2021). Pembacaan Al-Quran dalam Pendidikan Masa Kini: Satu Tinjauan Umum. *Jurnal al-Turath*, 6(1), 43-55. <https://journalarticle.ukm.my/17374/1/144-286-2-PB.pdf>
- Nikmatul Hikmah (2023). Konsep Pendidikan Menurut Ibnu Khaldun. *Pedagogik: Jurnal Pendidikan dan Riset*. 1 (2), 153-161. <https://ejournal.edutechjaya.com/index.php/pedagogik/article/view/189>
- Noraini M., Siti Zaleha Ibrahim, Siti Rashidah Abd. Razak. (2020). Aplikasi Kaedah Pengajaran Berasaskan Model Pengajaran Ibn Khaldun. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5)* – Dalam Talian. 24 & 25 November 2020.

- Othman, M. S., Ahmad, A. A. K. S., & Kassim, A. Y. (2017). Konsep Malakah Ibnu Khaldun dalam konteks pengajaran yang menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT): Ibnu Khaldun concept of Malakah in the teaching context that implementing High Order Thinking Skills (HOTS). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 12-26. <https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/15>
- Roshlawaty Mat Raieh. (2023, 7 Mac). Teras Kedua KPM Berjaya Bentuk Adab, Akhlak Dan Integriti Dalam Kalangan Murid, Sinar Bestari, <https://sinarbestari.sinarharian.com.my/buletin/teras-kedua-kpm-berjaya-bentuk-adab-akhlak-dan-integriti-dalam-kalangan-murid/news>
- Unsi, B. T. (2018). Konsep Metode Pembelajaran Ibn Khaldun dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Muróbbî: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 2(1), 60-71. <https://jurnal.iaibafa.ac.id/index.php/murobbi/article/view/125>
- Vijayaletchumy Subramaniam, Richard Ignacy, Rahmah Ahmad H.Osman & Salmah Jan Noor Muhammad. (2024). Model Pembelajaran Integrasi Kolaboratif (MoPIK): Strategi Pengajaran Guru dalam Kemahiran Menulis. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 12(3), 2024: 14 – 28, <https://journalarticle.ukm.my/24509/1/14%20%E2%80%932028%2078674-259936-1-PB%20-.pdf>
- Yusriza Mohamad Yusof, Afida Ayob & Mohamad Hanif Md Saad (2021). Penggunaan Teknologi Kejuruteraan dalam Pendidikan STEM Bersepadu, *Jurnal Kejuruteraan* 33(1),1-11, <https://www.ukm.my/jkukm/wp-content/uploads/2021/3301/01.pdf>